



PERATURAN PENGHUNI
DEWAN MALAYSIA , AUSTRALIA

1. DAFTAR MASUK (CHECK IN)

- 1.1. Anda perlu daftar masuk (check-in) di antara pukul 9 pagi hingga 5 petang atau 6 petang hingga 10 malam.
- 1.2. Pembayaran sewa bilik dan wang pendahuluan kad access sebanyak AUD 20 harus dibuat semasa daftar masuk (check-in).

2. BILIK

- 2.1 Beberapa kemudahan telah disediakan di dalam bilik. Sila lihat senarai 'Inventori Bilik' yang ditampal pada belakang pintu masuk.
- 2.2 Anda adalah bertanggungjawab menjaga kebersihan bilik sepanjang penginapan.
- 2.3 Anda tidak dibenarkan sama sekali memasak dalam bilik di atas sebab-sebab keselamatan dan kebersihan.
- 2.4 Peralatan elektronik yang disediakan seperti alat pemanas , peti sejuk dan television perlulah digunakan dengan penuh tanggungjawab. Kerosakan yang disebabkan oleh anda akan dikenakan denda yang setimpal.
- 2.5 Alat pemanas : Suis alat pemanas mesti dipadamkan sebaik sahaja selesai menggunakannya. Kegagalan akan menyebabkan "over heated" dan menghidupkan penggera kebakaran.
- 2.6 Peti Sejuk : **Minuman keras, daging khinzir** dan seumpunya **tidak dibenarkan** disimpan di dalam peti sejuk.
- 2.7 Televisyen : Sila gunakan dengan cermat dan penuh bertanggungjawab.

3. KESELAMATAN BARANG-BARANG ANDA

- 3.1 Pintu bilik penginapan anda hendaklah sentiasa dikunci.
- 3.2 Pastikan anda tidak tertinggal kunci pada pintu semasa keluar dari bilik.
- 3.3 Pihak Dewan tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kehilangan.

4. TINGKAH LAKU DAN ADAB

- 4.1 Anda hendaklah sentiasa berpakaian sopan dan tidak menjolok mata semasa berada di dalam Dewan.
- 4.2 Anda hendaklah mengawal kadar bunyi bising dalam keadaan seminumum yang mungkin agar tidak mengganggu penghuni yang lain dan jiran-jiran terutama selepas pukul 10 malam.
- 4.3 Anda tidak dibenarkan merokok di dalam DM termasuk di dalam bilik penginapan dan ruang tamu.
- 4.4 Anda **dilarang** membawa **masuk arak dan daging khinzir** ke dalam DMM.

- 4.5 Anda tidak dibenarkan membawa pelawat ke dalam bilik penginapan.
- 4.6 Anda boleh berjumpa dengan pelawat di ruang tamu dan mereka hendaklah meninggalkan DM sebelum pukul 12.00 malam.
- 4.7 Tindakan akan diambil kepada anda yang membawa pelawat yang tidak berdaftar tidur di bilik penginapan.
- 4.8 Ibumama adalah bertanggungjawab memastikan bahawa anak-anak mereka sentiasa dikawal supaya mereka tidak membuat bising, mengganggu pelajar yang sedang belajar dan seumpamanya.
- 4.9 Menjaga kebersihan DMM adalah tanggungjawab semua penghuni.

5. PERALATAN KEPUNYAAN DEWAN MALAYSIA

- 5.1 Anda atau pelawat anda tidak dibenarkan membawa keluar sebarang peralatan atau kemudahan hak DM yang disediakan di dalam bilik masing-masing.
- 5.2 Sebarang kerosakkan peralatan atau kemudahan hak DM adalah tanggungjawab anda.

6. PENGGUNAAN DAPUR

- 6.1 Anda dibenarkan menggunakan ketuhar mikro, oven , mesin air panas, teh/kopi/gula (yang disediakan di dapur).
- 6.2 Anda dilarang memasak di dapur atas sebab-sebab keselamatan kecuali sekiranya anda tinggal di DM lebih dari seminggu dan membawa anak. Surat akuan akan mematuhi peraturan di dapur perlu ditandatangani sebelum memasak.
- 6.3 Anak-anak anda dilarang sama sekali berada di dalam kawasan dapur atas sebab-sebab keselamatan.

7. DAFTAR KELUAR (CHECK OUT)

- 7.1 Anda adalah bertanggungjawab menanggalkan cadar yang digunakan.
- 7.2 Pastikan barang-barang anda tidak tertinggal.
- 7.3 Semua kemudahan atau peralatan yang menggunakan elektrik seperti lampu dan pemanas udara (heater) hendaklah dipadamkan.
- 7.4 Anda bertanggungjawab membuang sampah dalam bilik ke dalam tong sampah di luar bangunan DM sebelum daftar keluar (check out).
- 7.5 Penyerahan semula kunci bilik perlulah dilakukan semasa daftar keluar (check out) kepada Penolong Warden atau Setiausaha Dewan.
- 7.6 Bilik penghuni akan disemak untuk kerosakkan dan satu denda yang setimpal dengan kerosakan akan dikenakan.
- 7.7 Wang pendahuluan kad access A\$ 20.00 akan dipulangkan kepada anda selepas anda memulangkan kad tersebut kepada pihak DM.